

3.8.5 Seseorang pelajar yang didapati melanggar mana-mana kaedah Plagiarisme pada perkara 3.8.3, boleh dikenakan tindakan seperti berikut :

- (a) Amaran; atau
- (b) Dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dan Nilai Mata Gred 0,00;

4.0 SYARAT LULUS PENGAJIAN, PENGANUGGERAHAN DAN TATACARA RAYUAN KEPUTUSAN

4.1 MARKAH DAN SISTEM GRED

- 4.1.1 Prestasi pelajar dalam sesuatu kursus ditunjukkan oleh gred yang diperoleh.
- 4.1.2 Nilai Mata Gred ditentukan berdasarkan markah dan gred abjad yang diperoleh.
- 4.1.3 Gred C (nilai mata gred 2.00) adalah gred minimum yang dikira lulus.
- 4.1.4 Markah, gred, nilai mata gred dan status keputusan adalah seperti Jadual 1 yang berikut.

SKALA	GRED	MATA GRED	STATUS
90 - 100	A+	4.00	LULUS
80 - 89	A	3.84	LULUS
75 - 79	A-	3.67	LULUS
70 - 74	B+	3.33	LULUS
65 - 69	B	3.00	LULUS
60 - 64	B-	2.67	LULUS
55 - 59	C+	2.33	LULUS
50 - 54	C	2.00	LULUS
40 - 49	C-	1.67	GAGAL
30 - 39	D+	1.33	GAGAL
20 - 29	D	1.00	GAGAL
10 - 19	E	0.67	GAGAL
00 - 09	F	0.00	GAGAL

Jadual 1 : Jadual Pemarkahan dan Penggredan

KELAS	JULAT PMGT
PERTAMA	3.75 - 4.00
KEDUA ATAS	3.00 - 3.74
KEDUA BAWAH	2.00 - 2.99
GAGAL	0.00 - 1.99

Jadual 2 : Jadual Pengkelasan Ijazah

4.2 PEMINDAHAN KREDIT

4.2.1 Pelajar yang telah mengambil dan lulus mata pelajaran yang diktiraf oleh Institusi Pengajian Tinggi atau IPG sendiri boleh memohon pemindahan kredit bagi kursus-kursus setara berdasarkan syarat-syarat yang berikut;

- (a) Kursus yang dipohon pemindahan kredit adalah merupakan kursus yang diambil dalam program yang setara dengan program di IPG;